

BANK ISLAM DINOBATKAN BANK RUNCIT ISLAM PALING KUKUH DI MALAYSIA UNTUK KALI KEDUA

KUALA LUMPUR, Ahad, [20 Disember 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam atau Bank") telah dinobatkan sebagai Bank Runcit Islam Paling Kukuh di Malaysia untuk tahun 2020 oleh *Cambridge International Financial Advisory* ("*Cambridge IFA*") di Anugerah Perbankan Runcit Islam ke-6 2020 yang diadakan secara dalam talian pada 15 Disember 2020. Ini adalah kali kedua Bank Islam menerima anugerah ini, yang pertama pada tahun 2015. Keputusan pemenang anugerah adalah berdasarkan kajian kecekapan perbankan Islam yang dijalankan oleh *Cambridge IFA*, yang menilai lebih daripada 130 bank runcit Islam.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Kami berbesar hati dan bersyukur menerima penghargaan berprestij ini kerana ia mengiktiraf komitmen padu Bank Islam dalam memenuhi harapan pelanggan. Ia juga mengiktiraf fokus berterusan kami menyediakan penyelesaian kewangan dan perbankan patuh Syariah yang komprehensif dan inovatif."

"Sejak ditubuhkan pada tahun 1983, Bank Islam telah menetapkan asas untuk membangunkan sistem perbankan Islam yang kukuh dan menghasilkan profesional dalam industri ini. Bermula dengan hanya 30 kakitangan dan empat cawangan, Bank kemudiannya berkembang kepada 144 cawangan dengan lebih daripada 4,600 kakitangan hari ini. Ini tidak mungkin dicapai tanpa kepercayaan dan dorongan yang diterima daripada pemegang taruh kami, terutamanya lebih daripada 4.3 juta pelanggan kami di Malaysia".

Beliau menambah, "Sejarah kami selama 37 tahun menunjukkan banyak pencapaian pertama termasuk penerbitan Sukuk Islam pertama di Malaysia dan penglibatan dalam pendigitalan sistem kehakiman Malaysia dengan menyediakan proses jaminan melalui kemudahan eJamin. Terbaharu adalah pelancaran kemudahan pembiayaan mikro BangKIT yang dibiayai oleh sedekah (derma), yang juga merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini. BangKIT, berdasarkan kontrak Qardhul Hasan (tanpa untung), dibangunkan khas bagi membiayai pengusaha mikro terpilih yang tidak dan kurang mendapat khidmat perbankan untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mikro mereka.

"Industri perbankan Islam terus berkembang dan membangun seiring perubahan waktu dan keperluan pasaran yang pantas. Pada tahun 2018, Bank Islam melancarkan pelan strategi 3 tahun yang memberi tumpuan kepada inisiatif perbankan digital kami. Alhamdulillah, ia dirancang tepat pada masanya kerana pandemik COVID-19 tidak hanya mengubah cara kita berurus niaga tetapi mempercepat perjalanan digital kami kerana lebih banyak pelanggan bergantung pada teknologi digital untuk berurus niaga".

"Aplikasi perbankan mudah alih kami, *GO by Bank Islam* telah menunjukkan kemajuan luar biasa dalam jangka masa singkat apabila lebih 500,000 pengguna dengan 50% purata pertumbuhan penggunaan sejak bulan Mac 2020 ketika Kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") untuk mengekang penularan pandemik. Antara bulan Mac hingga September 2020, jumlah transaksi melebihi RM2.4 bilion direkodkan melalui aplikasi ini. Kami akan melancarkan lebih banyak perkhidmatan di dalam *GO by Bank Islam* untuk memberikan lebih banyak kemudahan kepada pelanggan kami. "

Bank Islam terus menawarkan produk dan perkhidmatan yang menarik, serta kempen dan promosi dalam tempoh mencabar ini bukan sahaja untuk menarik pelanggan baharu malah menunjukkan penghargaan kami kepada pelanggan sedia ada. Sehingga Oktober 2020, terdapat 3.3 juta Kad Debit telah diedarkan.

Dari segi jumlah perbelanjaan, kami melihat pertumbuhan kad debit yang positif. Ia mencapai RM353.12 juta pada bulan Oktober berbanding RM208.72 juta pada bulan Mac 2020.

Muazzam kemudiannya menambah, "Pun begitu, kekuatan Bank Islam tidak hanya ditentukan oleh pencapaian kewangan semata-mata, tetapi juga melalui usaha kami dalam memastikan sokongan terhadap ekonomi, pemerikasaan masyarakat dan juga perlindungan alam sekitar. Kami sentiasa percaya bahawa apabila Bank Islam berkembang, masyarakat akan turut maju. "

Sejak bermulanya COVID-19, Bank Islam telah secara proaktif menghubungi dan memberikan sokongan kepada pelanggan yang terkesan, baik individu atau segmen perniagaan. Sehingga akhir bulan Jun 2021, Bank Islam menawarkan kemudahan Penjadualan dan Penyusunan Semula, Bantuan Pembayaran Balik Bersasar dan yang Ditambah Baik kepada pelanggan yang memenuhi syarat, terutamanya segmen B40, M40 dan perusahaan mikro. Pelbagai pilihan juga tersedia untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") untuk membantu kewangan mereka.

"Anugerah Bank Runcit Islam Paling Kukuh Malaysia 2020 juga menunjukkan kesediaan Bank Islam untuk menjadi institusi perbankan islam pertama dan satu-satunya yang tersenarai di Malaysia dan rantau ini. Oleh itu, kami akan terus berinovasi dan memberikan penyelesaian kewangan yang komprehensif dengan memanfaatkan kemajuan teknologi terkini bagi memenuhi keperluan portfolio pelanggan yang pelbagai, dan pada masa yang sama terus memberikan nilai bagi pihak berkepentingan kami," kata Mohd Muazzam.

Islamic Retail Banking Award ("IRBA") dianjurkan oleh *Cambridge IFA*, sebuah institusi risikan kewangan yang berpusat di UK, untuk menegenang, mengiktiraf kisah kejayaan, sama ada institusi dan individu, dalam sektor perbankan runcit Islam.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan masyarakat beragama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari www.bankislam.com, atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel.bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com .	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden, Perhubungan Awam BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	--